



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

PUTRAJAYA LAKE & WETLAND EXPLORACE 2023 **JULUNG KALI DIANJURKAN BAGI KATEGORI REMAJA PELAJAR SEKOLAH**

PUTRAJAYA, 21 MEI 2023 – ‘Putrajaya Lake and Wetland Explorace’ (PLW Explorace) Kategori Remaja Pelajar Sekolah 2023 telah diadakan pada 21 Mei 2023 bertempat di Wetland Putrajaya, Presint 13. PLW Explorace merupakan program ‘Apresiasi Ekohidrologi Tasik dan Wetland Putrajaya’ anjuran Perbadanan Putrajaya di bawah program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam, UNESCO-IHP Malaysia. Pertandingan yang serupa bagi kategori pelajar Institusi Pengajian Tinggi telah mula dilaksanakan pada tahun 2011, dan untuk julung kalinya kategori Remaja Pelajar Sekolah diperkenalkan pada tahun ini.

Aktiviti berbentuk ekspedisi secara berkumpulan (setiap kumpulan terdiri dari 2 orang) ini menyasarkan penyertaan pelajar sekolah yang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Program ini adalah kesinambungan pelaksanaan aktiviti berteraskan pendidikan ekosistem dan alam sekitar untuk memberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam kepada peserta khususnya remaja pelajar sekolah yang akan mencorakkan hala tuju pemerintahan negara pada masa hadapan. Ianya juga adalah sebagai satu kempen promosi untuk memperkembangkan potensi individu dengan memberi pendedahan dan pendekatan penghayatan sendiri dalam usaha menyempurnakan tugas.

Program berteraskan kerjasama strategik ini turut mendapat tajaan hadiah wang tunai dan barangan dari syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) serta tajaan minuman dari Nestle Malaysia. Manakala dari aspek tugas teknikal *marsyal* dan penjurian pula, ianya diperkuatkan dengan kehadiran 100 orang petugas dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi kerajaan, termasuk pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta petugas paramedik sebagai persediaan menangani hal-hal kecemasan.

Pelepasan pertandingan disempurnakan oleh Ir Hj. Azmi Ibrahim, Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, merangkap Setiausaha Kehormat UNESCO-IHP Malaysia. Turut hadir bersama adalah Encik Shamsul Bahrin Rahmat, Naib Presiden Perancangan Bandar PPj,

wakil-wakil agensi rakan strategik dan penaja. Manakala Majlis Penyampaian Hadiah pula disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Program PLW Explorace Remaja Sekolah 2023 telah mencapai sasaran penyertaan iaitu sebanyak 50 pasukan. Peserta program sulung ini akan menjadi penanda aras untuk menguji trek laluan serta modul-modul teknikal. Peserta akan melalui perjalanan sejauh 6.5km, meliputi kawasan seluas 30 ha. Seterusnya, mereka perlu menyiapkan 8 tugas termasuklah cabaran "*lake crossing*" di Central Wetland, dan cabaran '*fear factor*'. Reka bentuk tugas yang disediakan turut memberi peluang kepada peserta untuk lebih mengenali spesies burung, ikan, tumbuhan, serangga, meneliti kualiti air dan sebagainya.

Pemenang tempat pertama iaitu penerima Anugerah Emas dengan gelaran Lake Warrior 2023 Kategori Remaja Sekolah, membawa pulang hadiah wang tunai RM500.00, sijil dan medal. Tempat kedua, Anugerah Perak dengan hadiah wang tunai RM300.00, sijil dan medal. Manakala, Tempat ketigamenerima Anugerah Gangsa dan hadiah wang tunai RM200.00, sijil dan medal. Turut juga disediakan hadiah wang tunai RM100.00 bagi Pasukan Terbaik Lelaki, Wanita dan Campuran. Hadiah cabutan bertuah berupa wang tunai serta barangan yang bernilai lebih RM1,000.00 turut ditawarkan kepada peserta yang tidak berjaya memenangi sebarang anugerah.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah 19/5/2023
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: Mei 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564.